

## **JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN (PERSEKUTUAN)**

### **EDARAN KHAS KPTG BIL. 5 TAHUN 2008**

#### **PENUBUHAN JAWATANKUASA TEKNIKAL BERSAMA PENTADBIRAN TANAH DAN POLIS DI RAJA MALAYSIA DALAM MENANGANI ISU PENIPUAN DAN PEMALSUAN HAKMILIK TANAH**

---

1. Edaran Khas ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri mengenai keperluan untuk menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Bersama Pentadbiran Tanah (PT) – Polis Di Raja Malaysia (PDRM) di peringkat negeri-negeri bagi menangani isu penipuan dan pemalsuan hakmilik tanah.
  
2. Penubuhan Jawatankuasa ini adalah salah satu langkah segera bagi menangani isu penipuan dan pemalsuan hakmilik tanah sebagaimana yang dirumuskan di Persidangan Pentadbir Tanah ke 15 pada Disember 2006 yang lalu iaitu di mana setiap negeri diminta menubuhkan dan mengaktifkan Jawatankuasa ini. Setakat ini tidak semua Negeri-negeri telah menubuhkan jawatankuasa ini. Oleh itu mana-mana negeri yang belum menubuhkan atau yang belum mengaktifkan jawatankuasa ini hendaklah ianya menubuhkan dan mengaktifkannya. Selain dari itu ianya dapat meningkatkan kerjasama di antara Pentadbiran Tanah dengan Polis Di Raja Malaysia dan dengan agensi lain yang berkaitan dengan urusan pindahmilik tanah.
  
3. Adapun matlamat penubuhan jawatankuasa ini ialah:
  - Bagi menangani penyelewengan dan pemalsuan dalam urusan tanah; bermatlamat supaya keyakinan rakyat terhadap sistem pentadbiran dan pengurusan tanah negara dipelihara;

- Sebagai mekanisma untuk kerjasama erat antara Jabatan, berkenaan tanggungjawab masing-masing untuk memastikan tindakan susulan diambil sehingga sesuatu isu diselesaikan;
- Sebagai satu wadah perbincangan melibatkan pelbagai hala bagi mencegah, menangani masalah dan mengambil tindakan-tindakan perlu bagi mengatasi permasalahan penyelewengan dan pemalsuan dalam urusan tanah dan perlu ditangani secara menyeluruh; dan
- Melibatkan Pentadbiran Tanah, PDRM dan Jabatan lain seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, Mahkamah, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan sebagainya. Malah ia boleh bertindak sebagai *One Stop Centre* dalam menyelesaikan kes penyelewengan dan pemalsuan dalam urusan tanah.

4. Adapun fungsi ( term of reference) jawatankuasa ini ialah:

- Mengenalpasti kaedah-kaedah bagi mengesahkan kesahihan dokumen pendaftaran pindah hakmilik tanah dan urusan tanah lain yang mencurigakan;
- Mengenal pasti kaedah penipuan dan pemalsuan yang dilakukan pada masa ini sama ada penipuan ke atas sistem komputer, pemalsuan dokumentasi atau faktor manusia untuk faedah bukan sahaja pihak Polis dan Pentadbiran Tanah tetapi juga Jabatan-jabatan lain yang berkenaan;
- Mengkaji dan meneliti isu-isu keselamatan pentadbiran tanah dan memberikan cadangan-cadangan untuk menangani isu tersebut;
- Mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang mendorong kepada kejadian penipuan;
- Memperhalusi cadangan-cadangan pencegahan kejadian penipuan, dan
- Menyelaras usaha-usaha dalam menangani penipuan.

5. Sementara itu ahli jawatankuasa teknikal bersama PT-PDRM ini diperingkat negeri adalah terdiri dari:

**Pengerusi – Pengarah Tanah dan Galian**

**Ahli-Ahli Jawatankuasa**

- Timbalan Pengarah Tanah dan Galian
- Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri
- Wakil Jawatankuasa Teknikal PT-PDRM Peringkat Persekutuan
- Pentadbir Tanah Daerah
- Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri
- Wakil Penasihat Undang-undang Negeri
- Pegawai-pegawai lain yang berkenaan di PTG/PTD
- Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara peringkat Negeri
- Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia peringkat Negeri;
- Wakil Lembaga Hasil Dalam Negeri peringkat Negeri;
- Wakil Bahagian Keselamatan Negara peringkat Negeri;
- Lain-Lain Agensi ( bila ada keperluan dari masa ke semasa).

**Urusetia – Pegawai Sistem Maklumat , Negeri**

Kekerapa Mesyuarat - 3 bulan sekali

6. Dengan itu Pengarah Tanah dan Galian Negeri adalah diminta mengambil tindakan bagi menubuhkan dan mengadakan segera mesyuarat dan mengaktifkan jawatankuasa ini. Seterusnya kerjasama antara ahli mesyuarat perlulah dipertingkatkan serta melaksanakan langkah-langkah mengatasi penipuan dan pemalsuan hakmilik ini mengikut bidang-kuasa jabatan masing-masing. Di samping itu, langkah-langkah bagi mengatasi penipuan dan pemalsuan hakmilik ini sebagaimana rumusan Persidangan Pentadbir Tanah ke-15 adalah perlu diambil perhatian dan tindakan oleh semua pentadbiran tanah dan jawatankuasa ini.

7. Oleh yang demikian sukacita kiranya perkara ini diambil maklum dan dilaksanakan oleh pihak Yang Berbahgia Dato'/Datuk/Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih

A handwritten signature in black ink, consisting of a stylized initial 'Z' followed by a series of horizontal strokes and a long horizontal line extending to the right.

( **DATO' ZOAL AZHA BIN YUSOF** )

Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan)

Tarikh: Mei 2008